

28 APR 1997

TRANSMILE JANGKA PEROLEHI UNTUNG RM17 JUTA BAGI '97

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Transmile Group Bhd, yang memohon untuk disenaraikan di papan kedua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), mengunjurkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM17 juta dan keuntungan selepas cukai sebanyak RM13 juta hasil daripada pulangan RM140 juta bagi tahun berakhir 31 Dis, 1997.

Pada 1996, syarikat itu melaporkan pulangan RM110.175 juta, keuntungan sebelum cukai RM16.2 juta dan keuntungan selepas cukai RM9.874 juta.

Transmile adalah pembekal perkhidmatan udara dalam pasaran penerbangan tempatan dan serantau.

Ketua pegawai eksekutifnya, Gan Boon Aun berkata syarikat itu akan memiliki tiga buah pesawat tahun ini untuk perkhidmatan penumpang serta kargonya.

"Kami membelanjakan kira-kira RM40 juta bagi pesawat berkenaan. Kami sedang mengkaji destinasi baru selain daripada Malaysia, seperti Filipina, Indonesia, Thailand dan daerah tertentu di China," katanya pada persidangan berita sempena majlis penaja jaminan bagi urusan pengapungan Transmile.

Transmile membuat terbitan awam sebanyak 6.040 juta saham biasa baru RM1 setiap satu pada harga terbitan RM5.20 sesaham. Syarikat itu yang akan disenaraikan di papan kedua BSKL pada Jun ini, dijangka mengumpulkan kira-kira RM70 juta hasil daripada terbitan berkenaan.

Sementara itu, pengerusi syarikat Mirzan Mahathir berkata syarikat tersebut berhasrat memperluaskan perkhidmatan serahan ekspresnya kerana terdapat permintaan yang memberangsangkan daripada syarikat-syarikat hantaran dan orang awam.

Syarikat berkenaan yang mempunyai usaha sama dengan Pos Malaysia, telah memulakan rundingan dengan bakal-bakal rakan kongsi di negara-negara lain, katanya.

Ia kini mempunyai tiga jenis pesawat -- Cessna Caravan, Pilatus Britten Norman dan Beechcraft.

Daripada sejumlah 6,040,00 juta saham yang diterbitkan, sebanyak 1.598 juta saham akan dikhaskan kepada kakitangan yang layak, sebanyak 4.442 juta saham pula untuk rakyat Malaysia dan bakinya untuk pelabur Bumiputera.

Commerce International Merchant Bankers Bhd dilantik selaku penasihat dan pengurus penaja jaminan bagi urusan penyenaiaan. Tiga lagi penaja jaminan ialah CIMB Securities Sdn Bhd, HLG Securities Sdn Bhd dan Ke-Zan Securities Sdn Bhd.

-- BERNAMA

HS MA/sia